

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HTV 201 – Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini dibahagikan kepada dua bahagian: A dan B. Jawab **SATU [1]** soalan dari setiap bahagian.

Sila catatkan dengan jelas nama tutor yang mengendalikan tutorial anda dan pusat pengajian anda di sudut kiri skrip.

Nyatakan dengan jelas teknik-teknik berfikir yang anda gunakan dalam jawapan anda.

Setiap jawapan tidak melebihi 4 halaman.

Bahagian A: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

1. Profesion perguruan semakin menarik minat golongan lepasan sekolah. Taraf profesionalisme di kalangan guru juga semakin merosot. Jika keadaan ini berterusan, masalah kekurangan guru di sekolah akan menjadi lebih merunsingkan.

Dengan menggunakan gaya berfikir kreatif, analitikal dan projektif, cadangkan langkah-langkah yang berkesan

- [i] supaya profesion perguruan akan lebih menarik minat golongan lepasan sekolah
 - [ii] supaya taraf profesionalisme di kalangan guru dapat dipertingkatkan.
2. Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan sumber pertanian. Namun pasaran hasil pertanian amat bergantung kepada iklim perdagangan dunia yang ada kalanya merosot hingga menjelaskan pendapatan negara serta pendapatan pekebun kecil. Dengan menggunakan pemikiran kreatif secara desain, berikan cadangan alternatif bagaimana Malaysia boleh mempelbagaikan penggunaan dan produk berasaskan getah asli dan kelapa sawit dalam usaha untuk menambahbaikkan prospek pemasaran pertanian tanaman ini di Malaysia khususnya.

Bahagian B: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

3. Kementerian Pendidikan Malaysia baru-baru ini bercadang untuk memperkenalkan sistem langkau kelas ke tahun kedua sekolah rendah bagi kanak-kanak cemerlang di peringkat tadika.
 - [a] Dengan menggunakan tiga alat-alat berfikir yang sesuai, bincangkan samada sistem langkau kelas wajar diadakan
 - [b] Lakarkan satu peta minda dengan jelas tentang idea-idea yang dijana.

4 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menyerahkan hak membekalkan komputer untuk ahli KWSP kepada Pos Malaysia. Namun begitu, ramai pelanggan tidak berpuas hati dengan khidmat yang diberikan oleh Pos Malaysia. Dua daripada sebab yang diberi adalah:

- [a] pihak Pos Malaysia tidak mempunyai kepakaran dalam bidang komputer dan teknologi
- [b] cara pemilihan dan pembelian hanya boleh dibuat melalui katalog yang disediakan oleh Pos Malaysia.

Sebagai ketua pegawai perhubungan awam (PR) Pos Malaysia, anda telah diberi tugas untuk menyelesaikan masalah ketidakpuasan hati pelanggan. Gunakan alat-alat berfikir CORT 1 untuk mendapat penyelesaian yang terbaik.

5. Sejak kebelakangan ini pelbagai pihak telah menyuarakan keimbangan mereka terhadap kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah dan universiti. Dengan menggunakan Enam Topi Berfikir, **rancangkan** satu program untuk mengatasi masalah tersebut.
6. Sektor pelancongan di Malaysia menghadapi saingan yang sengit daripada negara negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Singapura dari segi jumlah ketibaan pelancong, tarikan produk-produk pelancongan, kemudahan membeli-belah dan faktor hospitaliti (kemudahan hotel, pemandu pelancong dan maklumat pelancongan). Dengan menggunakan gaya-gaya berfikir yang sesuai, bincangkan bagaimana sektor pelancongan Malaysia boleh dimajukan lagi untuk menarik lebih ramai pelancong asing pada masa hadapan.